

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(VII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

13. Surat Khabar Buletin Mutiara yang merupakan akhbar rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Berapakah perbelanjaan terbitan Buletin Mutiara?
  - (b) Berapakah peratusan pembaca media cetak dan *online*?
  - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peratusan rakyat Pulau Pinang yang membaca Buletin Mutiara?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Akhbar Buletin Mutiara merupakan penerbitan Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 dan sehingga kini ia diterbitkan dua kali sebulan dalam dua versi bahasa iaitu versi Bahasa Melayu dan Bahasa Campuran (Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil).
- (a) Perbelanjaan terbitan bulanan adalah sebanyak RM504,000.00 untuk cetakan 800,000 naskah. Kontrak semasa cetakan Buletin Mutiara adalah selama 24 bulan mulai 16 Februari 2019 dan akan tamat pada 15 Februari 2021 dengan jumlah keseluruhan kontrak berjumlah RM12,096,000.00.
  - (b) Sebagai makluman, tiada peratusan pembaca media cetak dan *online* bagi penerbitan Buletin Mutiara memandangkan kajian kepuasan pembaca secara *online* yang dilaksanakan pada awal tahun ini adalah tidak menyeluruh dan perancangan lanjut sedang

dibuat dengan pihak Universiti Sains Malaysia (USM).

- (c) Usaha bagi meningkatkan peratusan pembacaan atau penerimaan Buletin Mutiara dalam kalangan rakyat Pulau Pinang boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu penerbitan bercetak dan juga platform *online*.

Bagi penerbitan bercetak, kandungan liputan adalah berlainan yang mana ia dipelbagaikan dengan laporan-laporan serta wawancara eksklusif yang mampu mengetengahkan sesuatu isu dengan lebih menyeluruh. Malah, dari semasa ke semasa, akan diwujudkan kepelbagaian peraduan dengan tawaran hadiah menarik untuk para pembaca.

Pada platform *online*, selain kepantasan berita yang dimuat naik, paparan video dan gambar-gambar turut menjadi kunci tarikan. Serentak itu, turut diwujudkan peraduan-peraduan yang menawarkan hadiah yang menarik dari semasa ke semasa.